



SIARAN MEDIA

SINAR RAMADAN KPWKM RAI KUMPULAN SASAR KEMENTERIAN

KUALA LUMPUR, 2 JULAI – Seramai kira-kira 1900 orang kumpulan sasaran kementerian diraikan pada sambutan majlis berbuka puasa bertemakan Sinar Ramadan yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada hari ini.

Menurut Menteri, Dato' Sri Rohani Abdul Karim, majlis diadakan bertujuan mengambil peluang mengeratkan ukhwah dalam kalangan sesama rakan strategik dan kumpulan sasaran KPWKM.

Seramai 410 orang kanak-kanak, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), dan ibu tunggal terdiri daripada 18 buah institusi kebajikan telah terpilih untuk menerima sumbangan di majlis ini.

KPWKM bermatlamat memfokuskan kumpulan sasaran selaras dengan penekanan RMK-11 "pertumbuhan berpaksikan rakyat". Antara keutamaan yang akan diberi penekanan adalah dalam meningkatkan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) yang diukur berdasarkan kepada 23 indikator di bawah tujuh (7) domain iaitu hubungan kekeluargaan, ekonomi, kesihatan, persekitaran, keselamatan, serta keluarga dan komuniti.

"Oleh itu, Kementerian telah melaksanakan langkah pro-aktif dalam merangka pelan transformasinya bagi meletakkan landasan yang kukuh dan inovatif untuk menghala ke destinasi yang dituju," jelas Rohani.

Beliau berharap agar kesemua perancangan tersebut mencapai sasaran KPI dan memberi manfaat kepada lapan (8) kumpulan sasaran di bawah bidang kuasa Kementerian, iaitu keluarga, wanita,

kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU), orang papa, mangsa bencana.

Pada majlis tersebut, Rohani turut menyampaikan Peruntukan Pengoperasian Rumah Perlindungan HIV/AIDS kepada Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) berjumlah RM437,800 dan Majlis AIDS Malaysia (MAM) RM376,680.

Majlis pada hari ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. Encik Azman Mohd Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWKM dan Encik Wee Beng Ee, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KPWKM.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, No.55, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
No. telefon : 03-8323 1087
No. faks : 03-8323 2012
E-mel : info@kpwkm.gov.my